



SIARAN AKHBAR

PEMERKASAAN KELUARGA DAN KOMUNITI KEUTAMAAN BKK1M

BETING MARO, 31 OKT. – **Pemeriksaan** Keluarga dan Komuniti atau FACE merupakan agenda utama dalam Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1Malaysia bagi tahun 2016 seluruh negara. FACE adalah pelaksanaan program yang memberi fokus kepada pengukuhan institusi keluarga dan komuniti iaitu projek pembangunan model pengukuhan keluarga dan komuniti ke arah mencapai masyarakat sejahtera. Perkara ini dinyatakan oleh YB Dato' Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dalam ucapan perasmian Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia dan Program Pemeriksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) di sini, hari ini.

Menurut Rohani, FACE adalah rentetan program forum Komuniti Keluarga Bahagia dan program Jelajah Keluarga Bahagia yang pelancarannya telah diadakan di PUSA pada tahun LALU dan Kampung Beladin adalah lokasi pertama pelaksanaannya selain 13 lokasi lain di seluruh Negara yang turut melaksanakan sepanjang November ini.

"Program FACE ini dilaksanakan melalui kaedah yang komprehensif iaitu dengan mengenal pasti keperluan setempat dan tahap kesejahteraan keluarga di komuniti yang dipilih. Setelah mengenal pasti isu dan keperluan tersebut, maka akan dirancang *evidence-based* program intervensi yang sesuai dan yang diperlukan. Dalam pelaksanaan program intervensi ini, mekanisme sosial sedia ada dalam komuniti iaitu jawatankuasa sedia ada dalam komuniti di Beladin ini akan diperkasakan." tambah Rohani.

Satu soal selidik tinjauan kesejahteraan keluarga di peringkat komuniti telah dijalankan di Kampung Beladin bermula 1 hingga 14 Oktober lalu, dan analisis mendapati daripada 8 domain yang diukur, skor keseluruhan IKK bagi Kampung Beladin adalah 8.30 daripada skor maksimum 10. Untuk makluman semua, IKK Peringkat Kebangsaan yang dijalankan pada tahun 2011 mencatatkan skor 7.55 daripada 10 dan disasarkan kepada skor 8.0 pada tahun 2020.

Lapan (8) domain yang digunakan bagi mengukur IKK ialah Domain hubungan kekeluargaan; Domain keluarga dan komuniti; Domain ekonomi keluarga; Domain keselamatan keluarga; Domain kesihatan keluarga; Domain keluarga dan agama/kerohanian; Domain persekitaran dan perumahan; dan Domain teknologi dan komunikasi

Rohani turut menjelaskan, berdasarkan hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan pada tahun 2014, mendapati bagi negeri Sarawak, tiga masalah utama yang dihadapi oleh ibu bapa adalah masalah perbelanjaan pendidikan anak, masalah perbelanjaan keperluan keluarga dan disiplin anak remaja . Oleh itu, dalam mengharungi cabaran yang wujud, keluarga yang mampu untuk berfungsi dengan baik akan dapat memastikan kesejahteraan keluarga mereka terus terpelihara. Namun, sebaliknya keluarga yang gagal menjalankan fungsinya akan terdedah kepada kepincangan yang pelbagai.

Turut hadir adalah Tuan Haji Razaili Haji Ghapor Ahli ADUN Beting Maro, Datuk Hajjah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak dan Dato' Siti Norlasiah Ismail, Ketua Pengarah LPPKN.

####

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Unit Komunikasi Korporat

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

12B, Jalan Raja Laut

50350 Kuala Lumpur

No. Telefon: 03-2613 7555

samb. 3308 / 3310/ 3309/ 2132

No. Faks : 03-2691 9431